



JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA

NEGERI PULAU PINANG

Tingkat 42,
Kompleks Tun Abdul Razak (KOMTAR)
10000 PULAU PINANG

Tel: 604-255 5500 – 507 (8 Talian)
Faks: 604-255 5577
e-Mail : pneg_png@anm.gov.my
Laman Web:
<http://portalpp.anm.gov.my/penang>

Ruj. Kami : ANM PG.650 Jld. 1 (19)
Tarikh : 26 Julai 2019

Semua Ketua Jabatan/ Pusat Tanggungjawab/Pusat Terimaan yang berkenaan,

PELAKSANAAN SISTEM E-RESIT

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan, Sistem E-Resit dibangunkan adalah bertujuan untuk pengeluaran resit elektronik bagi menggantikan penggunaan Resit Kew.38 (manual) dalam situasi seperti di bawah, dengan pertimbangan dan kelulusan daripada Ketua Akauntan di Kementerian masing-masing iaitu :

- 2.1 Kutipan luar pejabat oleh pegawai yang telah di beri penurunan kuasa untuk membuat kutipan di mana portal iGFMAS tidak dicapai/diakses
- 2.2 Urusan terimaan oleh Pejabat Pemungut manual
- 2.3 Lain-lain situasi selain yang dinyatakan di perkara 2.1 dan 2.2

3. Bagi tujuan pelaksanaan sistem tersebut, pihak YBhg. Dato' /tuan/puan adalah dimohon untuk melengkapkan dokumen seperti di **lampiran** sekiranya Pusat Tanggungjawab (PTJ) atau Pusat Terimaan (PT) pihak YBhg. Dato' /tuan/puan memenuhi kriteria pada perkara 2.1 dan 2.2. PTJ/PT yang menggunakan sistem terimaan sendiri adalah tidak tertakluk untuk penggunaan E-Resit.

4. Lampiran yang telah dilengkapkan hendaklah di emel kepada dana_png@anm.gov.my selewat-lewatnya pada **2 Ogos 2019 (Jumaat)**. Sebarang pertanyaan sila hubungi Pn Sulhana binti Baharudin (04-2555 488) atau Pn. Norazlina binti Othman (04-2555 570)

5. Perhatian dan kerjasama daripada pihak YBhg. Dato' /tuan/puan berhubung perkara di atas amat dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

"Pertingkat Inovasi Terokai Transformasi Kuasai Globalisasi"

Saya yang menjalankan amanah,

(OMMI NAJWA BINTI MOKHTAR C.A(M))
b/p Pengarah Negeri
Jabatan Akauntan Negara Malaysia
Negeri Pulau Pinang